

**SENARAI PEMENANG ANNUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN
TAHUN 2013**

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
1	MARKAS 1 DIVISYEN Kompleks Kem Muara Tuang Jalan Datuk Mohamad Musa 94300 Kota Samarahan Sarawak	Peranan Askar Askar Wataniah Dalam Meningkatkan Pengawasan dan Keselamatan Kawasan Tanggungjawab 1 Divisyen.	Nama : Lt Kol Sukcha Al Din Tawan No. Tel : 082-585500 Faks : 082-585581 E-mail : suk_4803@yahoo.com.my

Ringkasan Projek:

Tarikh dilaksanakan pada 25 November 2011 melalui perbincangan di antara Panglima 1 Div, Panglima-Panglima formasi di bawah naungan dan Timbalan Komander Rejimen Siri 500 Aw kawasan negeri Sarawak dan Sabah. Rancangan ini dibangkitkan sebagai usaha bagi menangani permasalahan kekurangan maklumat perisikan khususnya melibatkan kawasan ulu Rejang, Ulu Kapit dan Ulu Bara yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Panglima 1 Div Siri 2/2011 pada 8 disember 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Universiti Malaysia, Sabah. Lanjutan daripada usaha tersebut, rancangan pelaksanaan ini telah dibuat melalui tiga fasa iaitu:

- a. **Fasa 1 (Tahun 2011).** Mengenalpasti beberapa lokasi di KTJ yang tidak memapu dibuat pengawasan (*surveillance*) akibat kekurangan operator perisikan dan anggota di pos-pos operasi yang sedia ada.
- b. **Fasa 2 (Tahun 2012).** Rancangan untuk melibatkan anggota Rej AW Siri 500 sebagai Anggota Penyampai Maklumat (APM) mula diperkenalkan dan secara tidak langsung konsep ini meningkatkan lagi peranan Rej AW sebagai sebahagian daripada organisasi 1 div yang mampu memberi sumbangan dalam melaksanakan pengutipan maklumat di Wilayah II.
- c. **Fasa 3 (Tahun 2013).** Pelaksanaan inovasi sumber manusia ini mula dioperasikan dengan mengambil kira faktor disiplin anggota, bertanggungjawab, proaktif dalam penugasan dan kreatif. Disamping meningkatkan lagi pemahaman dan pengetahuan melalui pakej Latihan Asas Risikan yang telah dilaksanakan di setiap penempatan pasukan Rej Aw. Seramai 57 anggota APM telah dilatih sebagai mata dan telinga dalam konteks pelaksanaan Perisikan Taktikal. Maklumat ini disalurkan kepada MK 1 Div melalui Timbalan Komander Rejimen masing-masing.

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
-----	----------------	--------------	------------------------------

Tujuan Dilaksanakan:

Dalam menentukan keselamatan KTJ keseluruhannya yang meliputi daratan negeri Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan sememangnya wujud cabaran yang cukup tinggi dalam usaha susun kumpul maklumat tentang ancaman semasa di sesebuah penempatan. Ini adalah disebabkan oleh KTJ yang cukup luas disamping beberapa faktor yang menjadi kekangan kepada organisasi ini walaupun dibarisi oleh tiga formasi dibawah pemerintahan 1 Div seperti berikut:

- a. 3 Bgd (Kuching) Bertanggungjawab terhadap kawasan barat negeri Sarawak iaitu Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong.

- a. 9 Bgd (Sibu) Bertanggungjawab secara langsung meliputi kawasan timur negeri Sarawak iaitu bahagian Sibu, Sarikei, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang.

- a. 5 Bgd (Kota Kinabalu) Bertanggungjawab terhadap keseluruhan daratan negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Setiap formasi mempunyai KTJ masing-masing dan kawasan-kawasan ini turut dibahagikan kepada sektor yang lebih kecil sebagai KTJ pasukan-pasukan tempur dibawah naungan. Sungguhpun begitu, dalam mengaturgerakan elemen perisikan bagi memantau tahap keselamatan di KTJ yang tidak dapat dikuasai sepenuhnya dan masih wujudnya jurang dan ruang di beberapa lokasi tertentu. Tambahan pula kawasan yang melibatkan persempadanan dengan beberapa buah negara secara relatifnya adalah sukar dipantau disebabkan oleh bentuk mukabumi yang berbeza daripada Semenanjung Malaysia dan persempadanan yang terletak jauh di kawasan pedalaman. Secara tidak langsung, aspek sistem perhubungan dan komunikasi yang terhad serta tidak sempurna lebih menyulitkan lagi situasi sedia ada. Namun faktor sebegini tidak boleh dijadikan alasan untuk menafikan tanggungjawab yang diamanahkan. Justeru, jalan penyelesaian perlu dicari dan diterjemahkan ke dalam satu plan tindakan yang akhirnya mampu diterapkan bagi menyelesaikan cabaran tersebut.

BAGAIMANA INOVASI DILAKSANAKAN

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p>Pelaksanaan projek inovasi ini dilaksanakan adalah ntuk mengatasi masalah kekurangan anggota tetap khususnya operator perisikan dalam memantau serta menyalurkan maklumat semasa keselamatan di KTJ. Sekiranya tugas ini dibuat penelitian, peranan yang sama ini boleh dimainkan oleh anggota sukarela Rejimen Siri 500 Askar Wataniah dalam membantu 1 Div memantau keselamatan Wilayah II melalui pemerhatian, pemantauan, penguasaan kawasan dan penyaluran maklumat secara cepat, tepat dan berterusan. Dalam pengertian yang lebih mudah, anggota sukarela secara terancang diaturgerakkan dengan sistematik sebagai “mata dan telinga” angkatan tetap khususnya di kawasan pedalaman yang sukar dimasuki. Dengan berbekalkan kemudahan dan sistem yang sedia ada, konsep ini dilihat tidak akan menimbulkan sebarang permasalahan yang serius malah langkah ini seterusnya akan terus diaplikasikan bagi membantu angkatan tetap dalam mendokong konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH).</p>		
	<p>PENINGKATAN DALAM HASIL KESELURUHAN DARIPADA INOVASI YANG DIJALANKAN</p> <p>Program dalam mendominasi peranan AW sebagai Anggota Penyampai Maklumat dalam meningkatkan pengawasan dan keselamatan di KTJ 1 Div telah memberi impak yang besar terhadap 1 Div khususnya dalam usaha memantau tahap keselamatan KTJ di Wilayah II. Kepercayaan yang diperolehi ini secara tidak langsung dapat membuka jalan kepada 1 Div untuk menggalas tanggungjawab yang besar sekaligus membuka minda lain-lain organisasi tentang keupayaan yang dimiliki oleh 1 Div. Tanggungjawab dalam menjaga kedaulatan Wilayah II adalah satu mandat yang besar sejajar dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak yang berkehendakkan agar kedaulatan Sabah dan Sarawak dipelihara daripada sebarang pencerobohan dan ancaman.</p>		
	<p>SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT YANG LEBIH CEKAP, CEPAT DAN MUDAH</p> <p>Seseorang pemerintah memerlukan data, maklumat dan perisikan yang lebih menyeluruh supaya beliau mampu untuk membuat keputusan yang lebih tepat dan menyeluruh. Oleh yang demikian, satu rangkaian perisikan sokongan perlu diwujudkan supaya pemantauan berterusan dan menyeluruh mampu dilaksanakan. Dalam hal ini, penggunaan APM boleh meningkatkan lagi keupayaan sistem penyampaian maklumat yang lebih cekap, cepat dan mudah dengan menggunakan konsep seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="331 1278 2087 1369">a. Kumpulan yang diterapkan dengan pengetahuan dan selok-belok perisikan ini juga mampu untuk bertindak sebagai pemberi maklumat secara <i>covert</i> sekiranya keadaan memerlukan. Mereka boleh 		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
			<p>disesuaikan untuk menjadi elemen perisikan tempatan yang mungkin mampu untuk menyelinap masuk ke persempadanan bagi mendapatkan maklumat dan perisikan yang relevan untuk disalurkan kepada pasukan sahabat. Keterampilan mereka sebagai penduduk biasa di kampung halaman sendiri memudahkan perkara ini dilaksanakan dengan lebih berkesan walaupun berhadapan dengan risiko yang tersendiri. Peranan mereka adalah sangat berkesan terutamanya di kawasan pedalaman di mana penduduk di kedua-dua persempadanan itu mempunyai talian kekeluargaan. Dengan kata lain, kita mampu untuk mewujudkan elemen perisikan tempatan yang terdiri dari kalangan penduduk setempat yang mana mempunyai pengetahuan meluas berhubung dengan keadaan geografi sekeliling.</p> <p>b. Alibi yang ada pada mereka sebagai penduduk tempatan memberi kelebihan kepada mereka dan kita tidak perlu bersusah payah melaksanakan <i>Identity Built-up</i> bagi tujuan penyamaran dan sebagainya, tetapi pada masa yang sama berkebolehan untuk berfungsi sebagai agen atau elemen perisikan yang berkesan tanpa disedari.</p>
<p><u>PENGIKTIRAFAN OLEH PIHAK LUAR (SIJIL/SURAT PENGHARGAAN DARIPADA PIHAK LUAR)</u></p>			
<p>Pendekatan mendominasi peranan AW ini teruji sewaktu awal krisis pendaratan Tentera Penganas Kesultanan Sulu pada 12 Februari 2013 di Kg Tanduo, Lahad Datu. Di sini, Cawangan Risik MK 1 Div mula memantau akan keberkesanan konsep yang dikuatkuasakan ini dan ternyata ianya boleh berfungsi dengan berkesan untuk memantau situasi KTJ pada ketika itu. Pada peringkat awal pendaratan Kumpulan Penganas Kesultanan Sulu, situasi pada waktu tersebut dikatakan masih lagi terkawal. APM berkesempatan melakukan tinjauan terhadap kumpulan tersebut. Dengan lebih awal selama dua hari sebelum pasukan</p>			

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p>keselamatan bertindak melakukan sekatan di kawasan tersebut. Namun di sepanjang tempoh tersebut, anggota AW yang merupakan penduduk di sekitar kampung tersebut telah menyalurkan maklumat kepada Cawangan Risik MK 1 Div. Contoh Laporan-laporan bergambar yang disalurkan oleh APM semasa krisis tersebut adalah ditunjukkan di Kembaran L.</p> <p>Keadaan yang singkat ini tidak mampu untuk dijadikan ukuran pengiktirafan dalam bentuk surat penghargaan mahupun sijil kepujian secara khusus. Dalam menangani krisis keselamatan yang berlaku di Lahad Datu, Sabah, Cawangan Risik MK 1 Div berpendapat ianya sudah menjadi tanggungjawab dan tugas tentera untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara. Lantas pencapaian yang dikecapi ini diakui berkesan oleh formasi di bawah pemerintahan Div.</p> <p><u>PENINGKATAN FAEDAH KEPADA DIVISYEN/BRIGED/PASUKAN</u></p> <p>Pendekatan ini telah mendatangkan banyak kebaikan dalam organisasi Cawangan Risik MK 1 Div amnya. Ini dapat dilihat melalui teknik pemikiran staf risik yang telah berubah kepada lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ia bukan sahaja mentransformasikan minda staf risik malah melahirkan identiti dan kepimpinan pegawai risik dalam mengendalikan anggota sukarela yang sememangnya mempunyai karektor orang awam dan tidak boleh diaturgerakkan sebagaimana anggota tetap. Secara tidak langsung, cabaran yang wujud akan mematangkan lagi pemikiran dan pendirian pegawai serta anggota risik untuk melaksanakan tugas dengan lebih profesional dan efisien. Perkara ini dapat dibuktikan semasa sesi latihan asas penulisan dimana staf perisikan berupaya menyampaikan mata pelajaran sejajar dengan keperluan oleh anggota sukarela dalam konteks pengutipan dan penyebaran maklumat ancaman kepada pihak atasan.</p> <p><u>PENINGKATAN TAHAP KEPUASAN STAKEHOLDER</u></p>		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p><i>Stakeholder</i> Dalaman terdiri daripada orang perseorangan atau organisasi yang akan menerima faedah daripada tindakan yang diambil sepertimana yang dibincangkan.</p> <p>Program inovasi yang dilakukan ini merupakan satu daripada bentuk inisiatif Panglima 1 Div dalam usaha untuk memastikan setiap lokasi di KTJ 1 Div ini dapat dipantau dengan sepenuhnya. Sekiranya dibuat penelitian terhadap <i>Stakeholder</i> Dalaman, sememangnya terdiri daripada pegawai tentera yang sudah lama berkhidmat di dalam ATM serta berpengalaman dalam melaksanakan tugas di setiap pasukan masing-masing. Sebagai seorang pegawai tentera yang terlatih, didikan untuk taat dan patuh kepada arahan pegawai atasan adalah menjadi satu perkara lumrah dan perlu dijadikan keutamaan. Istilah <i>Loyal</i> yang seringkali ditanam di dalam sanubari warga tentera adalah suatu kelebihan yang tidak boleh dinafikan mahupun ditandingi oleh lain-lain organisasi. Justeru, tahap motivasi, sokongan dan kerjasama <i>Stakeholder</i> Dalaman menjadi tunggak kepada peningkatan faedah khususnya dalam usaha menjayakan hasrat yang disuarakan oleh pihak pemerintah atasan.</p> <p><u>PENINGKATAN DALAM TAHAP KEPUASAN PEKERJA</u></p> <p>Pekerja di dalam konteks ini terdiri daripada anggota Cawangan Risik MK 1 Div dan anggota AW. Bagi mengekalkan tahap kepuasan pekerja, pegawai risik dan pegawai di Rej AW perlu memainkan peranan penting bagi memastikan kepuasan pekerja berada di tahap maksimum. Motivasi dan psikologi perlu dimainkan agar produk yang dihasilkan menepati kehendak cawangan ini.</p> <p>Bentuk motivasi pekerja telah diterapkan melalui dua kaedah seperti berikut:</p>		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p><u>Hubungan Antara Anggota AW Bersama Pegawai Staf Risik.</u> Pegawai Staf Risik secara rambang akan hadir untuk menemui Anggota Penyampai Maklumat bertempat di lokasi penempatan mereka. Ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan, mewujudkan persefahaman serta memberi motivasi agar anggota AW boleh melaksanakan tugas secara jujur dan ikhlas. Pendekatan ini diterima baik oleh semua peringkat serta memahami kehendak pihak atasan yang berusaha untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dari segi pemantauan keselamatan di KTJ.</p>		
b.	<p><u>Kelebihan Pakej Latihan dan Penuqasan.</u> Motivasi pekerja dijaga dengan memberi kelebihan kepada Anggota Penyampai Maklumat dalam pakej latihan yang disediakan oleh pihak pasukan. Sebahagian daripada tempoh latihan digunakan bagi mengisi ruang kerja berdasarkan konsep inovasi tersebut manakala sebahagian lagi adalah masa untuk melaksanakan latihan. Walaupun jam masa hadir latihan bagi APM tidak dibuat sepenuhnya tetapi anggota ini masih lagi layak untuk menerima elaun dalam jumlah yang sama. Ini mendorong anggota AW untuk terus berbakti dan menganggap penglibatan mereka secara langsung tidak akan membebani masa latihan yang sepatutnya mereka laksanakan.</p>		
c.	<p><u>ekalan Jaringan Penyampaian Maklumat.</u> Dalam konteks ini, pegawai staf daripada Cawangan Perisikan 1 Div sentiasa berhubung dengan APM dan pegawai serta anggota Rejimen AW untuk mengekalkan inovatif penyaluran maklumat ancaman di KTJ APM masing-masing. Kaedah ini juga boleh membantu supaya panduan dan bimbingan boleh dilaksanakan pada sebilang masa supaya APM mengekalkan inisiatif mereka dalam pengutipan dan penyebaran maklumat. Pertemuan antara Pegawai Staf Cawangan Perisikan 1 Div bersama anggota APM seperti di Kembaran M.</p>		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
<p><u>CIRI-CIRI KELEBIHAN INOVASI</u></p> <p><u>TAHAP PENGLIBATAN AGENSI PROJEK INOVASI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</u></p> <p>Projek Inovasi pengurusan Sumber Manusia dengan menggembelengkan peranan anggota AW dalam meningkatkan pengawasan dan keselamatan sempadan ini masih di peringkat KTJ 1 Div. Kumpulan Pertama anggota sukarela AW yang dilibatkan adalah terdiri daripada seramai 7 Pegawai dan 50 LLP. Buat masa sekarang, pengutipan maklumat oleh anggota-anggota ini sedang giat dilaksanakan. Semua maklumat yang disalurkan oleh APM dibuat susunkumpul di Pusat Penyatuan Maklumat yang ditempatkan di MK 1 Div. Mana-mana maklumat yang memerlukan tindakan segera akan disalurkan kepada MK TD dan unit-unit yang beroperasi mengikut klasifikasi kepentingan maklumat tersebut.</p> <p><u>PERINGKAT PENCAPAIAN INOVASI</u></p> <p>Buat masa ini, pengutipan maklumat melalui APM sedang rancak dilaksanakan. MK 1 Div berhasrat untuk memperluaskannya lagi dengan memperbanyakkan lagi penglibatan anggota sukarela di mana Panglima 1 Div yang berada di Kuching dan Panglima-Panglima Bgd lain yang berada di Sibu dan Kota Kinabalu mampu untuk mendapatkan maklumat situasi tentang keadaan semasa dari segenap pelusuk KTJ secara <i>realtime atau near real time intelligence</i> tanpa perlu mengatugerakan elemen dari pasukan tetap. Kesemuanya adalah berdasarkan kepada maklumat ringkas yang dihantar melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) ataupun <i>whatsapp</i> dari segenap pelusuk negeri Sabah, Sarawak dan Labuan oleh operator yang berada di kawasan hadapan dan mereka ini sebenarnya terdiri daripada anggota sukarela Rejimen AW.</p>			

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
<p><u>KERJASAMA MELALUI COLLABORATION STRATEGIK DENGAN AGENSI-AGENSI LAIN</u></p>			
<p>Markas 1 Div turut bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti PDRM, Kastam dan Imigresen dalam pengutipan maklumat selain dari penggunaan anggota sukarela AW. Kesemua agensi yang terlibat mempunyai organisasi risikan yang khusus pengutipan maklumat dan pelbagai bentuk perisikan agar segala perancangan dan aktiviti mampu dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p>			
<p><u>DIGUNAPAKAI OLEH AGENSI-AGENSI DAN PIHAK LAIN SECARA TERUS ATAU DIUBAHSUAI MENGIKUT KEPERLUAN</u></p>			
<p><u>TANPA MELIBATKAN KOS YANG TINGGI</u></p>			
<p>Penggunaan anggota sukarela Rejimen AW ini dalam konsep pemantauan dan melaksanakan Perisikan Taktikal akan menjadikan 1 Div dan Bgd-Bgd di bawah naungan sebagai organisasi yang mempunyai maklumat dan pengetahuan yang meluas meliputi segenap ceruk rantau KTJ. Maklumat yang diperolehi ini bukan sahaja yang melibatkan ancaman tetapi turut merangkumi maklumat-maklumat yang boleh digunapakai oleh agensi-agensi lain seperti PDRM, Imigresen, Kastam, APMM, Jabatan Perhutanan, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai agensi-agensi lain yang berkaitan. Implikasi dari perkembangan ini akan menjadikan formasi 1 Div dihormati, disegani dan dilihat sebagai sebuah organisasi yang mantap, kredibel dan berdaya saing. Secara tidak langsung,perhubungan inter-agensi akan menjadi lebih harmoni dan tidak keterlaluan jika dikatakan 1 Div akan menjadi <i>leading agency</i> sesuai dengan peranan yang dimainkan olehnya sebagai tunjang pertahanan Wilayah II. Kerjasama perisikan dengan agensi-agensi lain boleh diterjemahkan dalam bentuk jaringan perisikan antara agensi-agensi dimana 1 Div merupakan <i>leading agency</i> dalam konteks jaringan perisikan di Sabah, Sarawak dan Persekutuan Labuan, Contoh laporan aktiviti yang boleh menjuruskan ketenteraman awam yang disalurkan oleh APM adalah seperti di Kembaran N.</p>			

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
<p data-bbox="255 268 1503 300"><u>KESESUAIAN UNTUK PELAKSANAAN INOVASI DI AGENSI LAIN (<i>REPLICABILITY</i>)</u></p> <p data-bbox="255 389 2074 533">Konsep penggunaan anggota AW sebagai operator pengutipan maklumat juga boleh dilaksanakan di agensi-agensi lain, namun menggunakan sumber manusia mungkin berbeza. Di samping itu, anggota-anggota sukarela juga boleh berhubung dengan agensi-agensi setempat seperti PDRM, Kastam dan Imigresen dalam perkongsian perisikan taktikal seperti berikut:</p> <ul data-bbox="255 624 2074 1342" style="list-style-type: none"><li data-bbox="255 624 2074 767">a. Dari sudut ketenteraan, anggota sukarela dari Rejimen AW amat sesuai untuk digembelinkan bagi mendapatkan maklumat daripada agensi-agensi berkenaan dan seterusnya disalurkan kepada formasi Tentera Darat. Ini disebabkan anggota sukarela AW ini boleh juga direkrutkan daripada kalangan anggota-anggota agensi tersebut.<li data-bbox="255 855 2074 1166">b. Dalam hal ini, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mungkin boleh melaksanakan konsep yang sama dengan menggunakan anggota Pasukan Simpanan Sukarelawan TLDM (PSSTLDM), begitu juga dengan Tentera Udara Diraja Malaysia. Dalam hubungan berkaitan, PDRM juga mungkin boleh menggunakan khidmat Pasukan <i>Police Volunteer Reserve</i> (PVR) atau menggunakan khidmat Pasukan Ikatan Relawan Rakyat (RELA). Apa yang perlu dilakukan adalah menambahkan modul dalam silibus latihan mereka supaya lebih menitikberatkan skil-skil permulaan seperti melaksanakan pemerhatian, pengutipan maklumat dan tindakan menyalurkan maklumat kepada pihak atasan.<li data-bbox="255 1254 2074 1342">c. Dalam konteks Kastam dan Imigresen, penyesuaian konsep inovasi ini boleh dilaksanakan melalui maklumat dan penulisan yang disalurkan melalui sumber-sumber berbayar melalui peruntukan kewangan jabatan masing-masing.			

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p data-bbox="248 212 510 248"><u>KEASLIAN IDEA</u></p> <p data-bbox="248 336 2072 592">Idea penggunaan anggota sukarela AW ini adalah asli yang diilhamkan oleh Panglima 1 Div, Lt Jen Datuk Mohd Zaki bin Hj Mokhtar. Idea ini tercetus hasil daripada kekangan untuk mendapatkan maklumat atau perisikan taktikal di medan. KTJ 1 Div yang diketahui umum adalah amat luas dan amat dibatasi oleh keadaan perhubungan yang terhad dan tidak begitu moden secara menyeluruh. Pendekatan dengan menggunakan idea baru ini pastinya boleh dicapai untuk meningkatkan prestasi jaringan perisikan dalam KTJ 1 Div.</p> <p data-bbox="248 679 674 716"><u>IDEA BERCORAK KREATIF</u></p> <p data-bbox="248 804 2072 1003">Konsep mengembelingkan peranan AW dalam meningkatkan pengawasan dan keselamatan di KTJ 1 Div adalah merupakan idea baru yang belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana agensi lain sekalipun. Ia bukanlah satu idea lapuk yang diperbaharui. Ianya bukan juga suatu modifikasi terhadap ilham pemikiran dan pelaksanaan daripada konsep yang pernah digunapakai sebelum ini oleh pihak-pihak lain.</p> <p data-bbox="248 1091 2072 1402">Cetusan idea ini lahir dari kesedaran dan rasa tanggungjawab warga 1 Div sendiri yang melihat kekuatan dan keupayaan yang ada sekarang pada Rejimen AW perlu dioptimalkan bagi membantu Angkatan Tetap dalam pertahanan negara. Pelaksanaan untuk tujuan ini boleh dibuat dengan membawa unsur-unsur inovasi kepada apa yang kita ada sekarang. Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan di sini bahawa konsep menjadikan anggota sukarela AW sebagai "mata dan telinga" Angkatan Tetap ini adalah satu konsep pemikiran dan pelaksanaan yang julung-julung kali diadakan dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) khususnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya.</p>		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
-----	----------------	--------------	------------------------------

Idea asal ke arah tindakan progresif dan inovatif ini sebenarnya diilhamkan oleh Panglima 1 Div sendiri setelah mengambilalih tampuk pemerintahan 1 Div bermula pada pertengahan tahun 2011 yang lalu.

KAEDAH PELAKSANAAN YANG BERCIRIKAN *LEADING EDGE*

Kalau ditinjau dari cara dan corak pelaksanaannya, adalah boleh disimpulkan bahawa projek pemantauan KTJ dengan menggunakan anggota sukarela AW ini adalah usaha untuk menggabungkan elemen angkatan tetap dan angkatan sukarela bagi mencapai matlamat yang sama. Kaedah pelaksanaan pemantauan sebegini adalah bercirikan *leading edge* seperti berikut.

- a. Di dalam angkatan tetap, kita melatih seseorang dengan memberi latihan asas ketenteraan terlebih dahulu. Setelah proses tersebut selesai, mereka kemudiannya akan dipilih untuk dilatih pula dalam bidang-bidang tertentu bagi mengasah skil dan kemahiran sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang bakal dilaksanakan.
- b. Projek ini walaupun menggunakan konsep secara terbalik di mana kita akan menetapkan terlebih dahulu jenis skil dan kemahiran yang kita perlukan. Langkah seterusnya adalah mencari dan membuat pilihan di kalangan anggota sukarela Rejimen AW yang mempunyai skil sebagaimana yang dikehendaki. Dalam hubungan berkaitan, kita juga boleh membuat pilihan berhubung dengan lokasi spesifik berdasarkan penilaian ancaman, kajian geografi, kepelbagaian demografi, diversiti etnik dan sebagainya.

MEMPUNYAI NILAI CIPTAAN YANG TERSENDIRI (*VALUE CREATION*)

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
-----	----------------	--------------	------------------------------

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pelaksanaan konsep ini adalah sesuatu yang baru dan belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Oleh yang demikian, kita tidak mempunyai model asas untuk dicontohi dalam merangka pelan dan strategi pelaksanaannya. Huraian tentang nilai ciptaan yang tersendiri adalah seperti berikut:

Segala-galanya bermula dari kertas kosong dan setiap langkah implimentasi adalah dibuat dari awal tanpa sebarang rujukan yang boleh dijadikan sebagai panduan. Bermula dari segi penulisan konsep, pelaksanaan, persiapan peringkat awal, mesyuarat koordinasi, pengarahannya kepada semua Panglima dan Timbalan Komander Rej Siri 500 (AW) sehinggalah pelaksanaan di atas tanah adalah difikir, direka dan dicipta secara tersendiri. Pelaksanaannya berdasarkan kepada misi utama yang telah digariskan iaitu menguasai dan mempunyai kawalan ke atas seluruh kawasan tanggungjawab dengan menggunakan khidmat anggota sukarela Rejimen AW.

- b. Konsep pelaksanaan projek ini jelas menggambarkan bahawa usaha mengeksploitasikan peranan AW dalam meningkatkan pengawasan dan keselamatan di KTJ 1 Div adalah satu konsep murni, inovatif, kreatif dan mempunyai nilai ciptaannya yang tersendiri.

MEMBERI KESAN ATAU IMPAKS YANG TINGGI KEPADA KEMENTERIAN DAN KERAJAAN

Kemampuan menguasai KTJ dan berupaya memperolehi maklumat signifikan berhubung dengan keseluruhan kawasan adalah merupakan satu kelebihan yang sentiasa diperlukan oleh setiap pemerintah. Kelebihan yang wujud bukan sahaja dinikmati oleh

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p>pihak formasi, pasukan dan unit-unit di bawah naungan tetapi turut dirasai kesannya oleh Kementerian Pertahanan dan juga kerajaan secara keseluruhannya. Impaks ini boleh diterjemahkan seperti berikut:</p>		
a.	<p><u>Agen dan Wakil Kerajaan.</u> Kesan jangka panjang yang mampu diraih adalah dari segi keberkesanan penyampaian maklumat daripada tim pemantau ke formasi dan seterusnya ke MK TD sebelum dipanjangkan ke kementerian sekiranya keadaan memerlukan. Penyampaian maklumat ini bukan sahaja berkisarkan kepada isu-isu keselamatan dan ketenteraan tetapi turut merangkumi persoalan berkaitan dengan keadaan politik, suasana ketenteraman awam, bencana alam dan yang paling penting adalah mampu bertindak sebagai duta kecil kementerian dan kerajaan nun jauh di pedalaman bagi menyampai dan merealisasikan aspirasi kerajaan kepada rakyat.</p>		
b.	<p><u>Penjimatan Kos.</u> Kesan lain yang tidak kurang pentingnya juga kepada Kementerian Pertahanan dan kerajaan dalam konteks ini adalah penjimatan dari aspek bajet dan peruntukan kewangan dalam membiayai kos pengoperasian. Jumlah kos yang berjaya dijimatkan ini mungkin boleh disalurkan semula kepada kerajaan untuk tujuan lain. Secara tidak langsung, kerajaan secara umumnya juga akan menerima manfaat dari pelaksanaan projek ini. Sebagaimana yang telah dibentangkan sebelum ini bahawasanya dengan menggunakan khidmat Rejimen AW, Kementerian Pertahanan dan kerajaan telah mampu menjana penjimatan yang banyak. Penjimatan ini dijalankan seperti berikut:</p>		
-1	<p><u>Kos Emolumen.</u> Kekuatan 7 Peg dan 50 LLP yang digunakan dalam projek Peringkat Pertama ini akan memaksa Kementerian Pertahanan mengeluarkan belanja sebanyak RM1,403,139.30 untuk anggota tetap bagi tempoh setahun berbanding dengan anggota sukarela sebanyak RM 143,417.35 sahaja bagi kekuatan dan tempoh masa yang sama. Penjimatan hakiki sebenarnya jauh lebih kecil kerana perbelanjaan tambahan sebenarnya hanya</p>		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	<p>melibatkan elaun komunikasi sebanyak RM 30.00 seorang untuk jangkamasa sebulan bagi kekuatan anggota yang terlibat. Dalam tempoh setahun, kerajaan hanya perlu membelanjakan RM 20,520.00 berbanding sebanyak RM1,403,139.30 sekiranya menggunakan khidmat angkatan tetap. Nisbah perbelanjaan adalah hanya 1.46% dari kos asal.</p>		
-2	<p><u>Kos Kursus dan Latihan</u>. Hanya melibatkan sesi penerapan nilai-nilai dan kemahiran perisikan, pengawasan, tinjauan dan pemantauan kerana anggota sukarela yang dipilih sudah sememangnya mempunyai skil-skil yang diperlukan. Tiada kos diperlukan untuk penganjuran kursus, latihan lanjutan dan sebagainya.</p>		
c.	<p><u>Kos Peralatan Komunikasi</u>. Kos ini tidak perlu ditanggung oleh kerajaan kerana peserta program yang dipilih hanya menggunakan peralatan perhubungan konvensional iaitu telefon bimbit peribadi mereka. Pihak kementerian hanya menyediakan elaun perhubungan sebanyak RM 30.00 seorang untuk setiap sebulan.</p>		
d.	<p><u>Kos Peralatan Persenjataan dan Bahan Letupan</u>. Penggunaan APM tidak melibatkan sebarang aturgerak tempur yang memerlukan sistem persenjataan beserta peluru dan bahan letupan.</p>		
e.	<p><u>Kos Kenderaan dan Senggaraan</u>. KTJ yang dipertanggungjawabkan kepada APM adalah secara <i>In-Situ</i> dan pergerakan mereka berlaku di kawasan sendiri dalam melaksanakan urusan peribadi seharian. Oleh yang demikian, tiada kenderaan tentera atau mana-mana kenderaan yang diperuntukkan kepada mereka. Justeru, kos kenderaan dan kos senggaraan dalam konteks ini boleh dikatakan sebagai tidak wujud.</p>		

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
f.	<u>Kos Tuntutan Tugas Rasmi</u> . Aturgerak anggota sukarela Rejimen AW tidak melibatkan sebarang kos yang dikategorikan sebagai tugas rasmi yang boleh dituntut semula.		
g.	<u>Kos Rangsum dan Ulangbekal</u> . Bergerak dalam kawasan sendiri dan ini bukannya dikategorikan sebagai tugas-tugas operasi. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk membuat penghantaran rangsum dan ulangbekal.		
<p><u>IDEA BOLEH DITERIMA PAKAI DAN DILAKSANAKAN DI PERINGKAT TEMPATAN, NASIONAL DAN GLOBAL</u></p>			
<p>Keupayaan pelaksanaan Perisikan Taktikal oleh formasi seperti Div dan Bgd akan menyumbang kepada peningkatan keupayaan TD secara langsungnya. Pelbagai cara boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan jaringan perisikan sesuatu formasi. Walau bagaimanapun, keupayaan pelaksanaan Perisikan Taktikal tidak mungkin dicapai sekiranya ianya dikekang oleh keterbatasan dalam menguasai apa jua yang dipertanggungjawabkan kepada sesuatu formasi itu termasuklah menguasai dan memantau sepenuhnya KTJ di bawah naungan. Konsep yang digunapakai di dalam projek ini mengutamakan pengutipan dan penyampaian maklumat dari peringkat yang paling rendah dan dari penempatan APM yang jauh di pedalaman. Dengan kata lain, apabila berfungsi sepenuhnya, 1 Div bersama-sama formasi 3 Bgd, 5 Bgd dan 9 Bgd yang menjadi tulang belakangnya mampu untuk melaksanakan <i>Threat Assessment</i> dari segenap pelusuk KTJ Wilayah II. Sekiranya perkara yang sama dapat diimplimentasikan oleh Div-Div lain, nescaya ianya akan memberikan impak yang amat positif kepada MK Pemerintahan Medan Tentera Darat yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan keupayaan TD secara keseluruhan khasnya dalam aspek <i>Detection</i>. Setakat pelaksanaan yang ada, projek ini masih berada di peringkat tempatan melibatkan KTJ Wilayah II sahaja yakni bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun ianya boleh diperluaskan lagi ke peringkat nasional sekiranya semua Div mengambil inisiatif yang sama dalam melaksanakan pemantauan di KTJ dengan menggunakan anggota</p>			

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
-----	----------------	--------------	------------------------------

sukarela dari Rejimen AW yang berada di bawah pemerintahan masing-masing.

MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENGETAHUAN KREATIVITI DAN INOVASI SERTA MEMUPUK MINDA KELAS PERTAMA

Dalam konteks ini, APM telah dilatih secara intensif untuk membentuk mereka ke arah perkembangan sebagai anggota penyampai maklumat minda kelas pertama (*Thinking Soldier*). Dalam fasa pertama, keseluruhan anggota yang terpilih telah diberikan latihan asas sebagai penyampai maklumat melalui enam siri latihan perisikan. Latihan-latihan perisikan ini, telah dilaksanakan di Kuching, Lundu, Sibul, Labuan, Tawau dan Kota Belud. Pada fasa kedua, mereka menjalani latihan penyampaian maklumat dimana *mobile team* dari MK Bgd dan MK Div akan memberi bimbingan lanjutan untuk aspek pengutipan dan penyaluran maklumat. Manakala fasa ketiga pula adalah melaksanakan proses penyatuan maklumat di peringkat MK 1 Div.

WAY FORWARD

Kewujudan Rej Siri 500 (AW) adalah meliputi kawasan di seluruh negara. Selain dari empat buah Rejimen di Wilayah II, terdapat sejumlah 12 lagi Rejimen yang ada di serata negara yang menjadikan kesemuanya sebanyak 16 Rejimen. Senarai Rej-rej Siri 500 (AW) bagi seluruh negara adalah seperti **Jadual 15** di bawah:

Bil	Rejimen	Negeri	Catatan
(a)	(b)	(c)	(d)
1.	Rej 501 AW	JOHOR	3 Div

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
2.	Rej 502 AW SELANGOR	4 Div	
3.	Rej 503 AW PERAK	2 Div	
4.	Rej 504 AW PERLIS	2 Div	
5.	Rej 505 AW PAHANG	3 Div	
6.	Rej 506 AW KELANTAN	2 Div	
7.	Rej 507 AW SABAH	1 Div	
8.	Rej 508 AW NEGERI SEMBILAN	3 Div	
9.	Rej 509 AW PULAU PINANG	2 Div	
10.	Rej 510 AW SARAWAK	1 Div	
11.	Rej 511 AW SARAWAK	1 Div	
12.	Rej 512 AW TERENGGANU	2 Div	
13.	Rej 513 AW KEDAH	2 Div	
14.	Rej 514 AW MELAKA	3 Div	
15.	Rej 515 AW KUALA LUMPUR	4 Div	
16.	Rej 516 AW SABAH	1 Div	

Jadual 15: Kedudukan Rejimen Siri 500 (AW) di Seluruh Negara

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
-----	----------------	--------------	------------------------------

RUMUSAN

Konsep menggunakan anggota sukarela dari kalangan Rejimen AW bagi memantau dan mendominasi KTJ Wilayah II ini mula dicetuskan oleh Panglima 1 Div sendiri setelah mengambilalih tampuk pemerintahan Divisyen Pertama Infantri Malaysia bermula pertengahan tahun 2011. Beliau menyedari betapa pentingnya keperluan bagi mendapatkan maklumat dari segenap pelusuk KTJ agar kemudiannya dapat digunakan untuk membantu setiap pemerintah menguasai KTJ masing-masing secara lebih efektif.

Idea ini kemudiannya cuba direalisasikan dan langkah permulaan yang telah dibuat adalah dengan mengadakan sesi *brainstorming* bersama semua Panglima Formasi di Wilayah II dan kesemua empat Timbalan Komander Rej Siri 500 (AW) yang ada di dalam KTJ 1 Div. Perbincangan ini adalah berkisarkan kepada bagaimana cara yang terbaik untuk meningkatkan pengawasan dan keselamatan di KTJ dengan menggunakan anggota sukarela Rejimen AW. Dalam masa yang sama juga, Panglima 1 Div memberi direktif asas dan garis panduan ke arah menjadikan rancangan ini suatu kenyataan.

Kajian terperinci telah dibuat termasuk mengenalpasti kelebihan, kebaikan dan faedah yang bakal diperolehi. Dalam hubungan ini, semua aspek telah diambilkira lebih-lebih lagi apabila menyentuh perkara-perkara yang bersabit dengan peraturan dan implikasi kewangan. Hasil kajian telah membawa kepada kesimpulan bahawa prosedur sepertimana yang telah dibentangkan merupakan cara terbaik setakat ini dalam mengoptimalkan kebolehan dan kelebihan yang ada pada Rejimen AW. Justeru itu, penglibatan pertama seramai 7 Pegawai dan 50 LLP telah dimulakan pada bulan Februari 2012 bagi menyahut cabaran untuk

BIL	JAB/BHG/MARKAS	TAJUK PROJEK	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI
	meningkatkan pengawasan dan pemantauan keselamatan di KTJ 1 Div dengan menggunakan khidmat anggota-anggota sukarela dari kalangan Rejimen Siri 500 (AW).		Secara keseluruhannya, program ini mampu untuk menubuhkan satu jaringan perisikan yang mantap dan efisien bukan sahaja pada tahap KTJ 1 Div tetapi keseluruhan tanah air Malaysia sekiranya ianya diperkembangkan ke peringkat kebangsaan kelak.

CONTOH LAPORAN-LAPORAN BERGAMBAR YANG DISALURKAN OLEH APM SEMASA KRISIS



Gambar salah seorang yang terbabit dalam pencerobohan di Lahad Datu, Sabah yang dikenali sebagai Mat Bom sebelum ditahan di Cenderawasih pada 24 Mac 2013




Gambar salah seorang yang ditahan semasa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Beliau dikenali sebagai Ali iaitu anak kepada Mat Bom yang disampaikan oleh APM Lahad Datu

**PERTEMUAN ANTARA PEGAWAI RISIK CAWANGAN RISIK 1 DIV BERSAMA APM DI TEBEDU
PADA 8 OGOS 2013**



Pertemuan ini sebagai pertemuan rutin untuk mengekalkan motivasi APM dalam penyaluran maklumat kepada MK 1 Div


Ismul Azam
 last seen today at 15:53


Saya [6065999](#) sjn mohamad.Abdullah Rej.516 Aw kem kukusan Tawau Bn 1 assalamulaikum master, pada 14/05/2013 jam lebih kurang 1145 am,terdapat 3 buah kedai sedang menjalankan perjudian haram iaitu jekport(mesin judi) yang mana di miliki oleh anggota POLIS...pihak berkuasa iaitu Majlis perbandaran tawau tidak dapat membendung kegiatan operasi mereka,sekiranya pihak majlis membuat operasi tersebut yang punya kedai perjudian tersebut akan menyuruh perjudian tersebut di hentikan.....sungguh lecik mereka punya tektik.... 15:46


[6206583](#) PBT AMIR ABD MAJID 04/05/13 1530H btempat kediaman calon p.191 kalabakan. blangsg pjumpaان bsama pemandu2 teksi tawau.meninjau dn btanya pd salah sorg pacik pmandu teksi mngatakan bkmngknan ad pmberian saguhati.x dpt info Injut sbb ad yg kurg seng melihat sy btanya d skitar sna. 15:46


Pda 14.05.13,jam kra2 1530 ptg,klhtn 3 org agg0ta kslmtn dri BN11 PGA,KOMPENI B bjln dlm kwsn kpg mmbwa snpg angin..mnurut drpd org kpg,sdh bnyk kli mrka mmbt pkra yg sma sbilm ini,apa yg d khuatiri 0lh org kpg,tk2 tkna knk2 ataupn org kpg....mnurut org kpg jga mrka tlh mmbunuh seek0r haiwan plhraan mrka...,sya bhrrp agar prkra ini dpt d tgni dgn scpt mgkn.. drpda pbt alsidik Kom C smtn BN3,TELOK MELANO. 15:46

[6205789](#) pbt Asong pada 5/5/13 lebih kurang jam 8 pagi di sk sungai kelabit bakong miri pilihan raya PRU 13 lelaki lebih kurang 50 org perumpuan lebih 40 org keadan buat masa ini baik dan terkawal tidak ada masalah yang berlaku lebih jam 9 pagi keadan baik dan aman master 15:46

Slmt pg master..sy [6199467](#) lans kopral raymond joe dri kwasn slpg lop ingn mnympaikn mklumat mgenai pru ke 13.difhamkn bhwa parti swp iaitu clon parti tsbt walfred landong dri parti pembngkang telah memberi duit sbnyk rm 30 rngt Kpda pndudk kmpg slpg lop brawal pkul 9.30 pg td melalui ejen mreka.difhmkn lg calon pembngkang y brlambngkn ikan dan parti barisn nasional iaitu donal lawn akn memberi kn duit kpda pndudk kmpg menjelg malam nanti..sekian terima kash. 15:46










Ismul Azam

last seen today at 15:53



Saya [6065999](#) sjn mohamad.Abdullah Rej.516 Aw kem kukusan Tawau Bn 1 assalamulaikum master, pada 14/05/2013 jam lebih kurang 1145 am,terdapat 3 buah kedai sedang menjalankan perjudian haram iaitu jekport(mesin judi) yang mana di miliki oleh anggota POLIS...pihak berkuasa iaitu Majlis perbandaran tawau tidak dapat membendung kegiatan operasi mereka,sekiranya pihak majlis




Kam C smth
BN3,TELOK MELANO.

15:46


[6205789](#) pbt Asong pada 5/5/13 lebih kurang jam 8 pagi di sk sungai kelabit bakong miri pilihan raya PRU 13 lelaki lebih kurang 50 org perumpuan lebih 40 org keadan buat masa ini baik dan terkawal tidak ada masalah yang berlaku lebih jam 9 pagi keadan baik dan aman master

15:46

Smt pg master...sy [6199467](#) lans kopral raymond joe dri kwasn slpg lop ingn mnympaikn mklumat mengenai pru ke 13 difhamkn bhwa parti swp iaitu dlop parti tsbt walfred landong dri parti pembangkang



Message input field



15:54

